

03 APR 1997

Mahathir-MSK

MSK UBAH MALAYSIA DAN DUNIA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pelaksanaan Koridor Multimedia Multimedia akan mengubah masyarakat Malaysia dan seluruh dunia.

"Perubahan akan berlaku di Malaysia dan di seluruh dunia...ini adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan," kata beliau pada persidangan akhbar selepas melawat Universiti Pertanian Malaysia yang ditukar kepada Universiti Putra Malaysia sempena lawatannya itu.

Perdana Menteri berkata Malaysia mampu menukar sebarang perkembangan yang tidak diinginkan hasil daripada MSK atau teknologi maklumat jika teknologi itu benar-benar difahami.

"Sama ada kita mempunyai MSK atau tidak, kita tidak dapat elak daripada kesan dan impak daripada multimedia dan era teknologi maklumat," kata beliau ketika menjawab soalan wartawan asing yang ingin tahu sama ada MSK akan mengubah masyarakat Malaysia dan jika ianya akan berjaya.

Dr Mahathir berkata Malaysia yakin MSK akan berjaya.

Dr Mahathir berkata setakat ini MSK menarik banyak minat tulen dari serata dunia.

Yang berminat menyertai MSK ialah kesemua pengusaha utama dalam industri IT dan multimedia.

Perdana Menteri berkata kerajaan elektronik yang meliputi pelaksanaan pasport elektronik akan menjadi kenyataan dalam masa satu hingga dua tahun ini.

Di masa depan, proses memohon pasport akan lebih cekap dan mengambil masa yang cepat.

"Kami mahu menjadikan proses permohonan pasport lebih mudah melalui kiosk komputer," katanya.

Beliau berkata bukan saja pasport, malahan dokumen lain boleh diproses lebih cekap menggunakan kiosk komputer dan menerusi Internet.

Mengenai lawatannya ke universiti itu, Dr Mahathir ia membolehkan beliau meninjau kemajuannya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

"Saya dapati bahawa sudah banyak research dan development yang telah diusahakan dan banyak yang berjaya, dan sekarang hanya ini menunggu aplikasinya," katanya.

Dr Mahathir yang juga berkesempatan melawat Pusat Inkubator Teknologi Satu UPM-MTDC berkata pusat itu berjaya menarik minat syarikat-syarikat tempatan dan asing termasuk beberapa syarikat Lembah Silikon di Amerika Syarikat.

Katanya beliau tertarik dengan daya usaha UPM memainkan peranan dan menunjukkan kebolehannya dalam bidang multi media dan IT disebabkan ia secara kebetulan berada dalam kawasan MSK.

Sebelum itu Perdana Menteri diberi taklimat ringkas mengenai Stesyen Satelit Bumi Time-Telekom dan menyaksikan majlis menandatangani satu memorandum persefahaman antara UPM dan Time-Telekom.--BERNAMA

ES NI MAI